

# Tak jamin harga minyak turun

BH - 31/1/2007

## Kerajaan pantau pola kestabilan komoditi di pasaran dunia sebelum buat ketetapan: TPM

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Kerajaan akan memantau perkembangan harga minyak mentah dunia dalam tempoh setahun sebelum membuat sebarang ketetapan mengenai harga runcit bahan api di pasaran tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan tidak dapat meramal perkembangan harga minyak mentah dunia, sebaliknya hanya memantau pola harga komoditi itu.

"Tapi kita nak tengok dulu harga pasaran minyak kalau sudah stabil dan kita tahu jangkaannya dalam jangka tempoh setahun akan datang, kita bolehlah membuat ketetapan.

"(Tetapi) Ketetapan itu tidak semestinya membabitkan harga minyak diturunkan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Persidangan Majlis Mineral Negara Ke-5, di sini semalam.

Awal bulan ini, akhbar melaporkan kerajaan dijangka tidak menaikkan harga runcit bahan api petrol dan diesel buat masa ini berikutan harga minyak mentah makin stabil di pasaran dunia.

Sehubungan itu, kerajaan dijangka tidak perlu menaikkan harga bagi mengimbangi beban subsidi yang ditanggungnya.

Najib berkata, kesediaan kerajaan menyemak semula harga tidak sepatutnya dilihat sebagai suatu jaminan harga akan diturunkan.

"Kita perlu memantau perkara ini sebab harga minyak kita tak tahu perkembangannya. Kita tengok pada pasaran, kalau harga minyak stabil kita akan menyemak semula harga minyak dalam negara kita.

"Kita tengok dulu pasaran minyak macam mana... ia bukan jaminan harga minyak akan diturunkan. Jangan salah faham, saya tak maksudkan kita akan menurunkan harga minyak, ia terpulang kepada Kabinet

memutuskan," katanya.

Ditanya langkah Singapore Airlines (SIA) menurunkan kadar surcang petroleum, Najib berkata:

"Ia bergantung kepada Kementerian Pengangkutan untuk mencadangkannya. Mereka perlu berbanding dengan Penerbangan Malaysia (MAS) dan kita perlu putuskan kemudian."

Sementara itu, Najib berkata, Malaysia dianggarkan mempunyai sim-

**“ Kita tengok pasaran, kalau harga minyak stabil kita akan menyemak semula harga minyak di negara kita ”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

panan galian emas sebanyak 106 juta tan metrik bernilai lebih RM3.2 bilion di enam negeri.

Katanya, emas ditemui di Pahang, Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak, tetapi bukan dalam satu atau dua tempat sebaliknya bertaburan di merata kawasan.

Beliau berkata, Sabah dan Sarawak juga mempunyai simpanan arang batu sebanyak 891 tan metrik bernilai RM35 juta.

Najib berkata, kerajaan bagaimanapun tidak mempunyai anggaran tepat mengenai kadar simpanan galian seperti emas dan arang batu, sebaliknya pihak yang berminat perlu membuat penyelidikan sendiri.

"Anggaran jumlah galian ada, tetapi sama ada ia berdaya maju secara komersial atau tidak adalah persoalan lain," katanya sambil memberi contoh tanah Kelab Golf Diraja Selangor (SRGC) mengandungi bijih timah tetapi tidak boleh dieksploit dengan pembukaan kelab golf itu.

Najib berkata, kerajaan negeri boleh menentukan mana-mana tapak yang dipercayai mengandungi galian boleh dieksploitasikan atau sebaliknya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, mesyuarat memutuskan kadar royalti galian atau mineral di semua negeri diseragamkan mengikut kadar dan kaedah yang sama.

Najib berkata, semua kerajaan negeri perlu mengkaji permohonan melombong galian yang diterima berikutan peningkatan minat pelabur dalam industri itu.

"Kita minta kerajaan negeri melihat permohonan yang diterima, yang boleh diluluskan untuk membangunkan industri perlombongan yang ada nilai komersial tinggi untuk keperluan negeri dan eksport.

"Semua harga mineral melonjak naik berbanding beberapa tahun lalu, jadi kita dapati ada minat dalam perlombongan batu kapur, bijih timah dan sebagainya," katanya.